

## Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian  
Nasional, P. 17 (1 of 1)

Date: October 19, 2007

### PAC mahu laporan kos bina PKFZ



TINJAU PROJEK: Shahrir (tengah), Jimmy Donald (kanan), Wong Nai Chee (kiri) bersama anggota Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara melawat Zone Bebas Pelabuhan Klang, semalam.

## PAC mahu laporan kos bina PKFZ

**P**ELABUHAN KLANG: Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) mahu Kementerian Pengangkutan dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) memperincikan jumlah perbelanjaan luar jangka yang sudah dibelanjakan untuk membangunkan Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang berkeluasan kira-kira 400 hektar.

Pengerusi PAC, Datuk Shahrir Abdul Samad, berkata kerajaan memperuntukkan 20 peratus daripada RM2.8 bilion kos keseluruhan pembangunan PKFZ sebagai perbelanjaan luar jangka untuk digunakan apabila ada keperluan.

Beliau berkata, oleh kerana PKFZ dijangka siap sepenuhnya awal tahun

depan, PAC mahu Kementerian Pengangkutan memberi penjelasan jumlah peruntukan luar jangka yang sudah dibelanjakan bagi menyiapkan projek mega itu.

"Pembinaan hotel perniagaan dan dewan pameran dijangka siap sepenuhnya bulan depan, manakala jalan masuk utama pula dijangka siap Disember ini.

"Oleh kerana jumlah 20 peratus peruntukan untuk perbelanjaan luar jangka ini sangat besar, PAC mahu tahu berapa jumlah perbelanjaan dan tujuan peruntukan itu digunakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyertai enam lagi Ahli Jawatankuasa PAC melawat

PKFZ yang diakhiri dengan taklimat hampir dua jam yang disampaikan Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan PKFZ, Chia Kon Leong, di sini, semalam.

Kos keseluruhan projek PKFZ meningkat kepada RM4.632 bilion selepas LPK memutuskan untuk membangunkan projek itu secara serentak selepas mendapat nasihat Jebel Ali Free Trade Zone (Jafza) yang ketika itu bertindak sebagai pengurus zon bebas berkenaan.

Kementerian Pengangkutan pada 23 Ogos lalu menjelaskan, LPK membangunkan PKFZ secara serentak membabitkan kawasan seluas 400 hektar dengan kos RM1.845 bilion.